

**Kekurangan Guru Di SJK Tamil Diatasi Hujung Tahun Ini - Puad Zarkashi
Bernama
30 Mac, 2012**

KUALA PILAH, 30 Mac (Bernama) -- Masalah kekurangan guru di sekolah jenis kebangsaan (SJK) Tamil dijangka dapat diatasi hujung tahun ini apabila 80 guru menamatkan pengajian mereka di institut pendidikan guru (IPG).

Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi berkata bakal guru terbabit akan mengisi sebahagian besar daripada 107 kekosongan jawatan di sekolah yang berkenaan.

"Bagi saya masalah kekurangan guru ini dianggap selesai dengan pengisian sebahagian besar jawatan itu," katanya kepada pemberita Jumaat.

Beliau sebelum itu merasmikan Majlis Penutupan Perkhemahan Integrasi Pasukan Badan Beruniform Agensi Bukan Kerajaan Sekolah Menengah peringkat negeri dan Perasmian Surau Kem Rimba Ilmu di Kampung Terusan, di Juasseh di sini.

Mengenai kekurangan guru di SJK Cina yang pada masa ini berjumlah 1,874, Mohd Puad berkata perkara itu sedang diusahakan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655973>